

PKR: Kembalikan kebebasan akademik untuk tingkat kualiti universiti tempatan
Malaysian Insider
Sept 10 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

PKR menyelar pemimpin Barisan Nasional (BN) kerana tidak mahu menerima hakikat bahawa kualiti pendidikan tinggi negara berada pada tahap meruncing apabila enam daripada tujuh universiti awam negara mencatatkan kemerosotan kedudukan dalam universiti terbaik dunia.

Pengarah Strateginya, Rafizi Ramli berkata, kedudukan universiti awam negara yang tidak berdaya saing menyukarkan graduan mendapat pekerjaan baik dengan gaji berpatutan malah masalah pengangguran di kalangan graduan terutama Melayu banyak berpunca daripada mutu pendidikan tinggi merudum saban tahun dan ia disahkan oleh kedudukan universiti awam negara.

"Selepas 50 tahun, Universiti Malaya (UM) tidak pun berada dalam kedudukan 100 teratas di dunia sedangkan Universiti Kebangsaan Singapura (NUS) yang mempunyai sejarah sama menjadi universiti terbaik di Asia.

"Ini adalah hakikat yang perlu ditangani secara terbuka tanpa prejudis politik atau perkauman kerana mutu dan kedudukan universiti awam negara mempengaruhi taraf hidup rakyat dan daya saing negara seluruhnya.

"Saya menyarankan dikembalikan kebebasan akademik kepada universiti awam tanpa campur tangan kementerian dan kerajaan serta pemilihan kepimpinan universiti perlu mengikut merit berdasarkan kredibiliti akademik, pengalaman mengurus universiti ternama dan integriti peribadi yang bebas pandangan partisan," katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Rafizi turut mencadangkan kebebasan minda yang sepenuhnya dikembalikan kepada siswazah dan gerakan mahasiswa menghentikan serta merta aktiviti propaganda politik yang dianjurkan Biro Tata Negara (BTN) dan badan dnegan fungsi sama.

Katanya, program khusus memperkasa kredibiliti akademik fakulti di universiti awam dengan membawa masuk tenaga pengajar dan penyelidik terbaik dari seluruh dunia perlu diwujudkan.

QS World University Rankings mengumumkan kedudukan 800 universiti teratas seluruh dunia bagi tahun 2013 dan enam daripada tujuh universiti awam negara yang tersenarai mengalami kemerosotan berbanding tahun lalu.

UM dari kedudukan 156 pada 2012 ke 167 pada tahun ini, Universiti Kebangsaan Malaysia dari 261 ke 269, Universiti Sains Malaysia dari 326 ke 355, Universiti Putra Malaysia dari 360 ke 411, Universiti Islam Antarabangsa dari 401 ke 501 dan Universiti Teknologi Mara dari 601 ke 701. - 10 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-kembalikan-kebebasan-akademik-untuk-tingkat-kualiti-universiti-tempatan>

